

Newspaper

Berita Harian

Date

1 March 2016



Tun Dr Mahathir melambai kepada jurugambar selepas mengadakan sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. (FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

BH- 1/3/2016

# Alasan konon UMNO tak pegang matlamat

» Pernah ambil tindakan sama pada 19 Mei 2008, sertai semula pada 2009

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

**T**un Dr Mahathir Mohamad sekali lagi keluar daripada UMNO dengan alasan yang sama tidak bersetuju dengan presiden parti.

Ia berkuat kuasa serta merta selepas mendakwa UMNO bukan lagi parti yang berpegang kepada matlamat asal penubuhannya pada 1946.

## Dakwa kepentingan individu

"UMNO sebagai parti politik sudah tidak wujud lagi, sebaliknya untuk kepentingan seorang individu sahaja. Saya tidak boleh jadi ahli kepada parti yang begini. UMNO berjuang untuk kemerdekaan dan menyumbang kepada pembangunan Malaysia, bukan kepada pembangunan mana-mana orang tertentu atau pemimpin tetapi pembangunan Malaysia," katanya pada sidang media di sini semalam.

Dr Mahathir, 90, pernah keluar parti pada 19 Mei 2008 kerana dilaporkan tidak yakin dengan ke-

pemimpinan Perdana Menteri dan Presiden UMNO ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Namun, beliau kembali menyertai UMNO pada 2009 apabila Datuk Seri Najib Razak menerajui kepemimpinan negara dan parti.

Ditanya sama ada tindakannya itu akan turut diikuti anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, beliau berkata ia terserah kepada Mukhriz.

"Saya tidak boleh bercakap bagi pihak anak saya. Itu biar dia yang buat keputusan sendiri, tetapi isteri saya (Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali) menyertai saya meninggalkan UMNO," katanya.

Beliau turut mengesahkan tidak akan menubuhkan mana-mana parti baharu atau menyertai parti lain.